

NO. SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 11 MAC 2015

RUJUKAN : 7724

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Koperal Sirul Azhar Umar boleh keluar daripada Malaysia sementara menunggu rayuan di Mahkamah Persekutuan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membawanya kembali ke Malaysia daripada Australia.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan amalan biasa di mana sesuatu hukuman belum lagi dijatuhkan, pasport tertuduh akan dipegang oleh pihak mahkamah dan nama tertuduh akan dimasukkan ke dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengelakkan tertuduh melarikan diri ke luar negara. Namun dalam kes Sirul, Mahkamah Rayuan telah membebaskannya daripada tuduhan membunuh. Oleh yang demikian, pasport tertuduh tidak lagi dipegang oleh mahkamah bagi menghalangnya keluar negara.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk membawa balik Sirul ke Malaysia bagi menjalani hukuman. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana tidak semua negara menyokong pelaksanaan hukuman mati.